

## usahawan muda

Di mana ada kemahuan  
di situ ada jalan

➔ Hannah jadikan ayah sebagai inspirasi ceburi bidang perniagaan

Oleh Nas Norziela  
Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

▸ Serdang

**M**embesar dengan latar belakang keluarga yang berkecimpung dalam dunia perniagaan tidak bermaksud Hannah Zaihal Hazri, 20, tidak perlu berusaha lebih untuk mengeluarkan modal atau mencari sendiri barangan yang ingin dijual.

Malah, prinsip *You want, you achieve it* yang dipegang oleh ayahnya, Zaihal Hazri Abdul Halim yang juga usahawan Melayu berjaya banyak mengajar Hannah untuk mengejar cita-citanya untuk menjadi seorang ahli

perniagaan berjaya.

“Ramai yang menganggap saya hanya perlu petik jari untuk menjalankan perniagaan namun hakikatnya, modal permulaan adalah daripada usaha saya sendiri tanpa bantuan keluarga.

“Ini kerana, ayah mahu melihat saya belajar erti ke-sungguhan dalam perniagaan dan apa yang boleh saya katakan, ini adalah pengajaran terbaik yang berjaya membakar semangat saya agar tidak mudah berputus asa,” katanya ketika ditemui *Varsiti BH* di sini, baru-baru ini.

Memilih untuk mereka cipta sendiri produk skirt mini berkonsepkan muslimah ketika bersukan, Hannah kini mengorak langkah dengan mempunyai 10 wakil *dropship* di bawah perusahaannya itu.

“Saya melihat bahawa produk ini dapat membantu menyelesaikan masalah wanita terutamanya wanita muslim dalam memilih pemakaian yang sesuai tetapi tetap berfesyen sewaktu melakukan pelbagai aktiviti luar.

**Hannah mahu menjadi ahli perniagaan yang berjaya seperti bapanya satu hari nanti**



“Walaupun bermula dengan bermodalkan RM500 dengan hanya beberapa rekaan, tetapi saya bersyukur melihat maklum balas daripada pelanggan serta tempahan berterusan daripada *dropship*,” katanya.

#### Tunjuk ajar

Hannah menjadikan Pengasas Amazon.com, Jeff Bezos dan Saiful Nang serta ayah-

nya sendiri, Pengarah Urusan Syarikat Al-Meswak Mu'min Sdn Bhd, sebagai sumber inspirasi dalam perniagaan.

Beliau berkata, pembabitannya dalam Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolepasaran Graduan (CEM) Universiti Putra Malaysia (UPM) banyak membantu dirinya mendalami selok-belok perniagaan.

“CEM membantu dengan

memberi tunjuk ajar mengenai selok-belok perniagaan yang tepat. Kami didedahkan dengan ilmu keusahawanan dan etika menjadi usahawan yang ideal.

“Antara program yang banyak membantu saya ialah program *Siswapreneur Startup* dan *Siswapreneur Advanced*.

“Malah saya tidak melepaskan peluang untuk me-

nyertai pertandingan yang dianjurkan oleh CEM dan sejujurnya duit kemenangan yang diperoleh juga membantu saya untuk mengembangkan perniagaan dengan menghasilkan lebih banyak rekaan dengan pelbagai jenis kain,” katanya yang mengutamakan perancangan jadual dalam membahagikan masa sebagai mahasiswa dan peniaga.